

BATIK AIR TAMBAH 2 PENERBANGAN TERUS 15 DISEMBER

Buka dua laluan baharu kukuh keterhubungan Borneo

Oleh Sri Ayu
Kartika Amri
kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Batik Air mengukuhkan kedudukan sebagai pemain utama di Sabah dan Sarawak apabila membuka dua laluan terus baharu menghubungkan Kota Kinabalu (BKI) ke Kuching (KCH) dan Sandakan (SDK), berkuat kuasa 15 Disember ini.

Langkah agresif itu hadir ketika permintaan perjalanan antara Sabah dan Sarawak meningkat kukuh, selain persediaan industri menyambut Visit Malaysia 2026 (VM2026).

Laluan baharu tujuh kali seminggu itu dijangka memacu pelancongan domestik, melancarkan perjalanan korporat dan menghubungkan lebih efisien bandar ekonomi utama di Borneo.

Ketua Pegawai Eksekutif Batik Air, Datuk Chandran Rama Muthy berkata, langkah menambah laluan terus ini adalah sebahagian komitmen syarikat memenuhi keperluan perjalanan yang semakin berkembang di Sabah dan Sarawak.

“Memperkuhkan keterhubungan dalam Borneo adalah keutamaan kami dan BKI sebagai hab operasi Malaysia Timur membuka akses yang lebih mudah



BATIK Air komited penuhi keperluan perjalanan semakin berkembang di Sabah dan Sarawak.

antara destinasi utama sambil meningkatkan keselesaan tetamu,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, ia sekali gus mengukuhkan peranan Kota Kinabalu sebagai hab utara Borneo, menghubungkan Sarawak dan destinasi pelancongan popular seperti Sandakan yang terkenal dengan tapak konservasi hidupan liar serta tarikan ekopelan-

congan bertaraf dunia.

Kuching pula kekal sebagai pasaran strategik berikutan populariti bandar itu dalam segmen budaya, kulinari dan korporat menjadi faktor yang dijangka meningkatkan aliran penumpang antara dua negeri berkenaan.

Beliau berkata, syarikat juga membina rangkaian menyeluruh yang menyokong pertumbuhan ekono-

mi dan pelancongan jangka panjang, sekali gus membuka peluang baharu dalam perdagangan, budaya dan mobiliti rakyat.

Batik Air turut mengumumkan laluan terus Kota Kinabalu–Singapura yang bakal bermula 12 Februari 2026, melengkapkan rangkaian antarabangsa sedia ada termasuk penerbangan tiga kali seminggu BKI–Seoul (Incheon).